



Headline	Tonggak import mampu lonjak skuad KLHC		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	29 Mar 2013	Color	Full Color
Section	Sukan	Circulation	192,982
Page No	55	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	167 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,654
Frequency	Daily	PR Value	RM 16,962



# 'Tonggak import mampu lonjak skuad KLHC'

**Kuala Lumpur:** Pasukan gergasi hoki Malaysia, Kelab Hoki Kuala Lumpur (KLHC) berkeyakinan penuh bahawa mereka mampu mempertahankan gelaran pada kejuaraan Liga Hoki Malaysia (MHL) musim ini.

Tanda tanya timbul mengenai keupayaan mereka apabila pasukan yang me-



## JADUAL

### Liga Hoki Malaysia Hari Ini

- Nur Insafi Warriors mln Terengganu (USM, Pulau Pinang, 6 ptg)
- UniKL mln TNB (Std Hoki Nasional Bukit Jalil, 6 ptg)
- Maybank mln KLHC (Std Hoki Nasional Bukit Jalil, 8mlm)

rangkul gelaran berganda tahun lalu itu kehilangan enam tunggak utama yang mengambil keputusan beralih arah ke pasukan baru, Terengganu.

#### Jadi azimat

Namun, bagi penyerang kelab itu, Chua Boon Huat, ketiadaan pemain seperti

Azlan Misron, Ismail Abu, Mohd Ameerullah Aziz dan Fitri Saari itu akan dijadikan azimat buat pasukan menjadi lebih baik pada musim ini.

Tambah meyakinkan Boon Huat yang juga pemain kebangsaan, pihak pengurusan membuat keputusan bijak dengan mengambil pemain import bagi menggantikan slot yang dikosongkan pemain tempatan itu.

"Kesemua pemain import yang diambil sangat berpengalaman selain serasi dengan sistem diamalkan pasukan ini dan saya gembira bersama mereka," kata Boon Huat.

Enam pemain itu adalah kapten Pakistan, Muhammad Imran, Wa-seem Ahmad, Fareed Ahmad, Muhammad Umar Bhutta, Akhtar Ali dan seorang pemain Australia, Tim Deavin.

KLHC hari ini bakal bertemu pasukan yang sedang berada di puncak carta Divisyen Premier dengan dua kemenangan, Maybank.